**BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI**
**JABATAN PENDAFTAR**

# PANDUAN TUNTUTAN RAWATAN PERUBATAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan tuntutan rawatan perubatan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020. Berikut merupakan panduan tuntutan untuk makluman semua staf dan Ketua Pusat Tanggungjawab:

| Bil. | Perkara | Penjelasan | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bayaran Balik Rawatan Pergigian | Staf dan tanggungan yang telah membuat pembayaran rawatan pergigian boleh membuat tuntutan bayaran balik dengan mengisi Borang Pengesahan Rawatan Pergigian Staf / Tanggungan (Borang JP-F56)<br><br>1. Staf perlu mengisi dan menghantar permohonan dengan menekan butang "**Submit**" dalam sistem UTMHR.<br>(**Had tuntutan rawatan pergigian adalah RM500 setahun)<br><br>2. PSM PTJ menyemak dan menyokong permohonan staf dengan menekan butang "**Recommend**" dalam sistem UTMHR.<br><br>3. Salinan Borang JP56 yang lengkap hendaklah disertakan dengan salinan resit dan e-mel kepada perubatan@utm.my untuk proses selanjutnya.<br><br>4. Tuntutan akan diluluskan oleh BPO berdasarkan dokumen dan proses yang lengkap seperti di perkara 2 hingga 4 di atas.<br><br>5. Bayaran akan diproses dan dihantar ke Jabatan Bendahari dalam masa 5 hari setelah permohonan lengkap diperolehi.<br><br>6. Borang dan resit asal perlu dihantar kepada BPO dalam tempoh 3 hari selepas tamat tempoh PKP. | Borang JP-F56 boleh dimuatnaik melalui capaian https://registrar.utm.my/bpo/files/2020/01/PP-F56-_-Borang-Pengesahan-Rawatan-Pergigian-Staf-Tanggungan-Pindaan-0-Edisi-4-Edisi-2020.pdf |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | Permohonan Pembiayaan/ Bayaran Balik Pembelian Alat/ Ubat/Perkhidmatan Perubatan | 1. Perbelanjaan bagi pembekalan ubat, alat, perkhidmatan perubatan dan rawatan penyakit buah pinggang yang diperoleh di hospital/klinik/agensi swasta adalah dilaksanakan mengikut kaedah berikut:<br>a. Mendapat rawatan di hospital/ klinik kerajaan; dan<br>b. Kemudahan rawatan yang diperlukan tidak dapat dibekal/ disediakan oleh hospital/klinik kerajaan; dan<br>c. Mendapatkan surat perakuan dari Pegawai Perubatan Kerajaan mengenai perkara di perenggan (b) di atas.<br>d. Permohonan dikemukakan menggunakan borang Perubatan 1/09 seperti di Lampiran.<br><br>2. Borang yang lengkap diisi dan disertakan dengan resit dan/atau dokumen-dokumen sokongan hendaklah die-melkan kepada perubatan@utm.my untuk proses selanjutnya.<br><br>3. Borang 1/09, dokumen sokongan dan resit asal perlu dihantar kepada BPO dalam tempoh 3 hari selepas tamat tempoh PKP. | Tatacara perbelanjaan perubatan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.21 Tahun 2009<br><br>Borang Perubatan 1/09 boleh dimuatnaik melalui capaian https://registrar.utm.my/bpo/files/2014/12/Borang_Perubatan_1_09_JPA.pdf |
| 3. | Tuntutan Bayaran Balik Rawatan di Klinik Bukan Panel/Hospital Kerajaan | 1. Staf dan tanggungan yang telah membuat pembayaran rawatan di klinik Bukan Panel/Hospital Kerajaan boleh membuat tuntutan bayaran balik dengan mengisi Borang Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Rawatan di Klinik Bukan Panel/Hospital Kerajaan / IPTA (Borang PP-F16)<br><br>2. Borang yang lengkap diisi hendaklah die-melkan kepada perubatan@utm.my untuk kelulusan selanjutnya. Kelulusan adalah bergantung kepada kelayakan pesakit dan had kos perubatan yang ditanggung oleh Universiti serta syarat-syarat seperti yang terkandung dalam Skim Perubatan Staf UTM.<br><br>3. Borang dan resit asal perlu dihantar kepada BPO dalam tempoh 3 hari selepas tamat tempoh PKP. | Borang PP-F16 boleh dimuatnaik melalui capaian https://registrar.utm.my/bpo/files/2019/04/Borang_Permohonan_Tuntutan_Rawatan_KlinikBukanPanel-edited-9.04.2019-Edisi-3.pdf |

Sebarang pertanyaan/bantuan mengenai Tuntutan Rawatan Perubatan dan Pergigian, boleh hubungi Pn Nurnasuha binti Alwi melalui e-mel nurnasuha@utm.my atau telefon 013-5902366.